



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Selasa, November 03, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

BERITA »

UPM anjur program Selamat Datang Pelajar Baharu Antarabangsa



Oleh: Seksyen Jalinan Global, Bahagian Antarabangsa UPM

SERDANG: Seramai 150 pelajar baharu antarabangsa dari pelbagai negara menghadiri Program Selamat Datang Pelajar Baharu Antarabangsa sesi pengajian semester 1 2015/2016 yang diadakan di Dewan Persidangan, Bangunan CALC, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Program selama dua hari itu dijalankan oleh Bahagian Antarabangsa UPM dengan kerjasama 10 fasilitator terdiri daripada pelajar tempatan di bawah program 'Buddy' selaku pembantu dalam menyelaraskan program, serta sebagai pengantaraan di antara pelajar antarabangsa dan Pengurusan UPM.

Pada hari pertama program, pelajar diberi pemahaman mengenai sistem pentadbiran, pengurusan pembelajaran, pendedahan kepada peraturan dan budaya persekitaran kampus yang juga merupakan di antara objektif program ini.

Pelbagai aktiviti dan program disusun khusus memupuk minda yang positif dan optimis dalam memulakan sesi pembelajaran baharu di kampus.

Program dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin.

Sementara itu, pelajar dari Indonesia, Stacey Joan Amanda berkata beliau teruja diberi peluang melawat di sekitar Putrajaya dan Melaka kerana ia dapat memberi gambaran kepadanya mengenai cara hidup rakyat Malaysia.

"Saya turut diberi peluang untuk menimba pengalaman sebagai salah seorang pelajar mobiliti di Fakulti Kejuruteraan," katanya.

Pelajar dari Nigeria, Rashid Al-Kalbani turut menyuarakan rasa terima kasih beliau kepada Buddy UPM yang banyak memberi pendedahan mengenai UPM serta membantu beliau sepanjang program berlangsung. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 03 Nov 2015

